CHITRA DANAPALAN

lwn.

AUGUSTINE CHARLES RETNASINGAM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA TAMBY CHIK H
[PETISYEN PERCERAIAN NO: S4-33-1449-2003]
23 JUN 2004

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Perceraian - Petisyen - Persoalan nafkah, pembahagian harta dan hak penjagaan anak-anak - Sama ada pempetisyen layak untuk menuntut harta dan pemeliharaan anak-anak*

Di dalam petisyen perceraian yang dipohon oleh pempetisyen isteri supaya perkahwinan pempetisyen dengan responden suami dibubarkan, responden telah memberi petisyen balasnya menyatakan bahawa perkahwinan tersebut tidak dapat dipulihkan lagi di atas kelakuan pempetisyen sendiri. Responden juga telah memohon supaya diberi hak penjagaan anak-anak mereka kerana pempetisyen sudah tidak lagi menghiraukan rumahtangga dan anak-anak juga turut diabaikan. Responden juga memohon supaya tiada perintah dibuat untuk pembahagian harta yang memihak kepada pempetisyen.

Diputuskan:

[1] Pempetisyen didapati telah menjalinkan hubungan dengan seorang lelaki lain, dan tidak menghiraukan rumahtangga dan anak-anak sehingga responden terpaksa mengajikan seorang penjaga. Pempetisyen tidak layak untuk menuntut sebarang harta milik responden memandangkan pempetisyen tidak pernah menjalankan tugasnya sebagai seorang ibu dan isteri yang baik atau menyumbang sebarang wang atau tenaga sepanjang masa perkahwinan. Pempetisyen juga tidak langsung menyumbang terhadap kebajikan keluarga dan keharmonian rumahtangga malah merupakan beban dari awal perkahwinan lagi. (ms 74 g & 76 d)

[2] Pempetisyen tidak layak mendapat hak penjagaan, jagaan, kawalan dan peliharaan ke atas anak-anak kerana walaupun selepas mahkamah telah memberikan Perintah Perpisahan Interim dan hak penjagaan anak-anak telah diberikan ke responden dan diikuti dengan kebenaran pada pempetisyen untuk terus tinggal di rumah matrimoni, pempetisyen telah meninggalkan rumah matrimoni dan tidak pernah menguruskan hal ehwal rumah atau anak-anak. Pempetisyen telah mengambil langkah mudah dan berpindah keluar dari rumah. Pempetisyen bukan sahaja tidak mempunyai sikap

tanggungjawab pada perkahwinan malah tidak mempunyai sebarang perasaan balas kasihan pada anak-anak yang masih perlukan dorongan dan tunjuk ajar seorang ibu. (ms 76 e-f)

[3] Semenjak bulan Mac 2002 responden telah menggajikan seorang penjaga untuk menguruskan makan minum anak-anak mereka dan seterusnya seorang orang gaji penuh. Anak-anak hasil perkahwinan pempetisyen dan responden kini lebih aman dan gembira tanpa sebarang gangguan dan keadaan di rumah adalah lebih harmoni dan kondusif untuk mereka menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran. Ketiga-tiga anak pempetisyen yang masing-masing berumur 16 tahun, 14 tahun dan 11 tahun dengan jelas telah memberitahu mahkamah bahawa mereka ingin tinggal bersama dengan bapa mereka. (ms 76 f-g & 77 b-d)

[4] Mahkamah memutuskan bahawa permohonan perkahwinan dibubarkan dibenarkan dan membuat perintah kepada responden untuk membayar 25% daripada gaji kasarnya sebagai bayaran nafkah kepada si pempetisyen. Kedua-dua pempetisyen dan responden hendaklah membayar kos masing-masing. Penjagaan, pemeliharaan dan kawalan ketiga-tiga orang anak perkahwinan diberikan kepada responden dan hak melawat diberikan kepada pempetisyen dengan persetujuan salah seorang daripada kanak-kanak tersebut untuk diperolehi terlebih dahulu. (ms 71 h)

[Perintah seharusnya.]

Bagi pihak pempetisyen isteri - Fredric Kong Yat Sen; T/n HC Tan & Zahani
Bagi pihak responden suami - M Kalaichelvam; T/n Abd Halim Ushah & Assoc

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik J:

Pada 23 Jun 2004, saya telah mendengar petisyen penceraian si pempetisyen dalam Lampiran (1) dan memutuskan bahawa permohonan pempetisyen pada perenggan (12)(b), (c), (d), (f) and (g) di tolak sementara perenggan (12)(a) perintah seperti dipohon. Perenggan 12(e) si responden membayar 25% daripada gaji kasarnya sebagai bayaran nafkah kepada si pempetisyen dan perenggan (h) masing-masing membayar kos masing-masing. Saya juga memerintahkan bahawa penjagaan, pemeliharaan dan kawalan ketiga-tiga orang anak perkahwinan diberikan kepada responden dan hak melawat diberikan kepada pempetisyen dengan persetujuan salah seorang daripada kanak-kanak tersebut diperolehi terlebih dahulu.

Pada 5 April 1986 pempetisyen telah berkahwin dengan responden di Gereja St. Francis Xavier (Catholic), Petaling Jaya, Selangor. Kedua-dua mereka telah tinggal bersama di No. 4, SS2/35 Petaling Jaya dan di No. 35 Jalan USJ 9/5F, Subang Jaya, Selangor. Pempetisyen adalah seorang kerani di Tetuan Paul Ang & Co. sebuah firma guaman. Responden adalah seorang Pengurus Perolehan dan Pembangunan Korporat di Kumpulan Kilang Sawit Risda Sdn. Bhd. Terdapat tiga orang anak hasil daripada perkahwinan mereka, iaitu dua orang perempuan berumur 14 tahun dan 11 tahun dan seorang lelaki berumur 16 tahun.

Dapat diperhatikan bahawa sejak bulan Ogos 2002 pempetisyen telah berpindah keluar secara tetap dari rumah matrimoni atas kemahuannya sendiri dan telah pun menyewa bilik di Shah Alam dan pempetisen tidak duduk bersama dengan responden dan anak-anak dari perkahwinan tersebut di sana. Responden telah mengahwini pempetisyen pada 5 April 1986. Selepas berkahwin pempetisyen telah tinggal bersama dengan ibu responden di Petaling Jaya kerana responden masih bertugas di Segamat, Johor. Sepanjang empat bulan pempetisyen tinggal di situ, pempetisyen telah mula bertengkar dan berbalah dengan ibu dan kakak responden, sehingga responden terpaksa membenarkan pempetisyen berpindah ke rumah ibu angkat pempetisyen di No. 8, SS2/35 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Pada pertengahan tahun 1987, responden telah bertukar kerja ke Kuala Lumpur dan membeli rumah pada tahun 1988 dan selepas itu, responden dan pempetisyen telah bersekedudukan dan tinggal bersama di rumah No. 4, SS2/35, Petaling Jaya. Adalah dihujahkan oleh responden bahawa sejak tinggal bersama dengan pempetisyen, responden sentiasa dikejutkan dengan kelakuan pempetisyen yang cepat marah, cemburu, perasaan rendah diri yang keterlaluan dan ganas sifatnya. Pempetisyen sentiasa membesar-besarkan isu-isu remeh dan membangkitkan perkara-perkara silam dan bertengkar tanpa sebab yang munasabah. Kelakuan pempetisyen yang keterlaluan ini bukan sahaja di rumah tetapi juga di tempat kerja dan apabila bersama keluarga. Pempetisyen sewaktu bekerja di Tan Chong Industrial Machinery seringkali bertelingkah dengan seorang "bookkeeper" bernama Sau Chan dan disebabkan itu pempetisyen telah meminta responden membenarkan beliau berhenti kerja. Responden telah membenarkan permintaan pempetisyen lebih-lebih lagi pempetisyen sewaktu itu mengandung anak kedua mereka dan gaji pempetisyen hanyalah RM700 sahaja dan responden boleh menanggung perbelanjaan keluarga tanpa pendapatan pempetisyen. Sifat keterlaluan pempetisyen bertambah lagi sewaktu responden membawa pempetisyen dan anak-anak ke Manila pada tahun 1993 untuk menghadiri kursus pengurusan. Responden terpaksa menghabiskan masa yang panjang menghadiri kursus dan menyediakan kertaskerja. Pempetisyen yang tinggal bersama anak-anak di hotel telah sentiasa mengawasi gerakgeri responden sehinggakan responden tidak dapat memberi tumpuan pada kerja.

Adalah dihujahkan lagi oleh responden bahawa dalam satu pertelingkahan, pempetisyen telah menumbuk-numbuk perutnya sendiri sewaktu mengandung tujuh bulan, dan telah membuat kenyataan bahawa beliau akan memusnahkan kerjaya dan diri responden. Pada 1 Mei 1993 pempetisyen telah menulis dalam diari beliau yang berbunyi, "I told him I rather kill the baby than to let him make me a mental patient. So I started punching my womb and he tried to prevent me. He threatened me that I will be held responsible if anything happens to the baby. I told him that it's better for him to kick me hard so that the baby in my womb dies. I held on his legs to do it but he stopped me." Manakala pada 5 Mei 1993 pempetisyen telah menulis "my temper was so great, that I told him that I would destroy him in everyway, most of all his career." (Lihat salinan diari pempetisyen yang ditandakan sebagai Lampiran '1'). Sikap pempetisyen yang cepat marah dan ganas masih tidak berubah dan berterusan, malah pempetisyen memberi tekanan yang teramat sangat dengan sering mengaitkan nama responden dengan rakan sekuliah iaitu Jing sebagai mempunyai hubungan sulit walaupun responden secara tegas menafikannya. Perkara ini dijadikan isu sejak tahun 1993 hinggalah ke hari ini. Responden telah bersabar sehinggalah tahun 1995 di mana beliau mengambil inisiatif membawa pempetisyen ke hospital dan mendapati pempetisyen menghadapi masalah "Hyperthyroidism". Responden telah cuba memahami kelakuan pempetisyen dan menyediakan kemudahan perubatan yang terbaik untuk pempetisyen dengan harapan pempetisyen akan sembuh. Pada tahun 1996 responden telah membeli sebuah kereta Perodua Kancil No. BET 3007 atas nama pempetisyen, memberi kemudahan kad kredit dan seperti dari awal perkahwinan menanggung segala perbelanjaan rumahtangga. Manakala pada tahun 1999 responden telah membelikan sebuah kereta Honda Civic No. BEU 8825 atas nama pempetisyen untuk kegunaan keluarga. Pada bulan Oktober 2000 responden juga telah membelanjakan RM10,000 untuk menghantar pempetisyen ke "Holy Land" di Jeruselam untuk berjemaah. Tetapi segala usaha responden adalah sia-sia kerana sekembalinya pempetisyen dari sana, kelakuan beliau bertambah buruk kerana sering berkomunikasi dalam Internet dan berhubung melalui panggilan antarabangsa berjam-jam tanpa mempedulikan hal rumahtangga dan anak-anak. Pempetisyen telah seringkali berkomunikasi dengan seorang warganegara India yang menetap di Amerika Syarikat. Bil telefon untuk penggilan antarabangsa dan tarikh 10 Mac 2001 hingga 10 Julai 2002 mencecah sejumlah lebih kurang RM11,052.48. Dengan adanya hubungan baru ini pempetisyen telah menghantar surat meminta perceraian melalui peguamcara beliau pada 22 Mac 2001 dan memberitahu responden bahawa beliau hendak melanjutkan pelajaran ke Amerika dalam jurusan kaunseling walaupun pempetisyen tidak mempunyai sebarang kelayakan akademik. Ini hanya satu alasan pempetisyen untuk bersama teman barunya di Amerika. Responden tidak mengendahkan surat perceraian itu dengan harapan

pempetisyen akan berubah fikiran dan responden juga tidak putus asa dalam percubaan beliau memberi yang terbaik untuk pempetisyen di mana responden telah memberikan sebuah komputer berjenama Dell berharga RM7,000, membelanjakan RM15,000 mengubahsuai rumah atas kehendak pempetisyen. Pada September 2001 responden membelanjakan RM7,000 supaya pempetisyen dapat mengikuti rombongan perniagaan secara langsung beliau ke Jepun. Ini semua dilakukan dengan harapan pempetisyen dapat berpuashati dan gembira. (Lihat sesalinan bil telefon yang ditandakan sebagai Lampiran '2') dan lihat sesalinan surat memohon perceraian bertarikh 22 Mac 2001 yang ditandakan sebagai Lampiran '3'). Responden juga telah mengadakan majlis-majlis jamuan di rumah dengan harapan pemetisyen dapat bergaul dengan orang ramai dan dengan ini dapat beliau meningkatkan keyakinan dirinya sendiri. Tetapi sikap pempetisyen tidak berubah malah sewaktu menghadiri jamuan-jamuan ini beliau sering juga mencari salah pada diri responden, sehinggakan responden menjadi buntu dan tidak berupaya membantu pempetisyen. Pempetisyen telah menjadi satu bebanan yang tidak terhingga pada diri responden dan menjadi satu tunggul yang membantutkan kerjaya dan kejayaan responden, anak-anak serta keharmonian keluarga. Responden merasakan pempetisyen lebih berminat pada harta-harta yang diperolehi oleh responden atas usaha beliau sendiri sejak pempetisyen menjalinkan hubungan sulit dengan seorang lelaki bernama Philip Anthonysamy. Ini dapat dilihat dan bil telefon bertarikh 10 Mei 2002 sehingga Jun 2002 di mana pempetisyen telah membuat panggilan sebanyak 72 kali yang membawa kepada jumlah bil RM607.87. Angka ini tidak termasuk panggilan-panggilan melalui telefon bimbit beliau yang bernombor 012-6532602. Pempetisyen setelah menjalinkan hubungan ini, untuk kali kedua menghantar surat meminta perceraian melalui peguamcara beliau pada 5 Ogos 2002. (Lihat sesalinan bil telefon bertarikh 10 Mei 2002 sehmgga 9 Jun 2002 yang ditandakan sebagai Lampiran '4') dan (lihat sesalinan surat memohon perceraian bertarikh 5 Ogos 2002 yang ditandakan sebagai Lampiran '5'). Pempetisyen sejak menjalinkan hubungan dengan Philip Anthonysamy telah mula keluar pada waktu malam dan kerap kali tidak balik sehingga keesokan pagi atau balik pada petang keesokan harinya. Pempetisyen tidak menghiraukan rumahtangga dan anak-anak turut diabaikan. Responden terpaksa mengajikan seorang penjaga bernama Puan Joan dan membayar RM1,000 sebulan. Responden merasakan pempetisyen telah lama merancang untuk mendapatkan perceraian berdasarkan kepada surat-surat peguamcara pempetisyen yang bertarikh 22 Mac 2001, 5 Ogos 2002 dan aduan yang dibuat pada 29 Ogos 2002 di Majlis Pendamai/Tribunal Perkahwinan. Sejak dari tarikh aduan tersebut, pempetisyen seringkali cuba menaikkan kemarahan responden dengan harapan responden akan bertindak memukul pempetisyen dan ini dapat dijadikan satu bukti untuk lebih mudah mendapatkan perceraian.

Memandangkan pempetisyen membuat aduan di Majlis Pendamai maka responden telah memohon satu Perpisahan Kehakiman dengan harapan ini dapat menghindar pempetisyen memohon perceraian dan perkahwinan mereka dapat diselamatkan. Tetapi pempetisyen pada 10 Disember 2003 telah memfailkan petisyen perceraian dan membuat satu aduan polis palsu bertarikh 13 Januari 2004 yang menyatakan responden telah menendang pempetisyen. Segala tindak tanduk ini jelas menunjukkan pempetisyen tidak pernah cuba untuk memperbaiki masalah rumahtangga dan lebih berminat untuk menamatkannya. (Lihat sesalinan sijil yang telah dikeluarkan oleh Majlis Pendamai/Tribunal Perkahwinan ditandakan sebagai Lampiran '6').

Beberapa laporan polis telah dibuat oleh responden terhadap pempetisyen dan laporan itu adalah seperti berikut:

(i) Laporan Polis bertarikh 13 Februari 2002;

(ii) Laporan Polis bertarikh 27 Jun 2002;

(iii) Laporan Polis bertarikh 5 Mac 2003;

(iv) Laporan Polis bertarikh 7 Mac 2003;

(v) Laporan Polis bertarikh 9 Mac 2003;

(vi) Laporan Polis bertarikh 11 Mac 2003;

(vii) Laporan Polis bertarikh 14 Mac 2003;

(viii) Laporan Polis bertarikh 15 Mac 2003;

(ix) Laporan Polis bertarikh 26 Mac 2003;

(x) Laporan Polis bertarikh 6 April 2003;

(xi) Laporan Polis bertarikh 7 April 2003;

(xii) Laporan Polis bertarikh 13 April 2003;

(xiii) Laporan Polis bertarikh 15 April 2003;

(xiv) Laporan Polis bertarikh 5 Julai 2003;

(xv) Laporan Polis bertarikh 13 Julai 2003;

(xvi) Laporan Polis bertarikh 21 Julai 2003;

(xvii) Laporan Polis bertarikh 1 Ogos 2003;

(xviii) Laporan Polis bertarikh 6 September 2003;

(xix) Laporan Polis bertarikh 8 September 2003;

(xx) Laporan Polis bertarikh 28 September 2003;

(xxi) Laporan Polis bertarikh 19 Oktober 2003;

(xxii) Laporan Polis bertarikh 28 Oktober 2003;

(xxiii) Laporan Polis bertarikh 29 Oktober 2003;

(xxiv) Laporan Polis bertarikh 1 November 2003;

(xxv) Laporan Polis bertarikh 30 November 2003;

(xxvi) Laporan Polis bertarikh 9 Disember 2003;

(xxvii) Laporan Polis bertarikh 7 Januari 2004;

(xxviii) Laporan Polis bertarikh 13 Januari 2004;

(xxix) Laporan Polis bertarikh 31 Januari 2004.

Meneliti keterangan dokumen yang dikemukakan dalam kes ini saya berpendapat bahawa pempetisyen tidak layak untuk menuntut sebarang harta milik responden memandangkan pempetisyen tidak pernah menjadi seorang ibu dan isteri yang baik atau menyumbang sebarang wang atau tenaga sepanjang masa perkahwinan. Pempetisyen juga tidak langsung menyumbang terhadap kebajikan keluarga dan keharmonian rumahtangga malah merupakan beban dari awal perkahwinan lagi. Lagi pun saya berpendapat bahawa pempetisyen juga tidak layak mendapat hak penjagaan, jagaan, kawalan dan peliharaan ke atas anak-anak kerana walaupun selepas mahkamah memberikan Perintah Perpisahan Interim dan hak penjagaan terhadap anak-anak diberikan kepada responden dan diikuti dengan kebenaran pada pempetisyen untuk terus tinggal di rumah matrimoni, pempetisyen telah meninggalkan rumah matrimoni dan tidak pernah menguruskan hal ehwal rumah atau anak-anak. Pempetisyen telah enggan dan telah mengambil langkah mudah dengan berpindah keluar dan rumah. Pempetisyen bukan sahaja tidak mempunyai sikap tanggungjawab pada perkahwinan malah tidak mempunyai sebarang perasaan belas kasihan pada anak-anak yang masih perlukan dorongan dan tunjukajar seorang ibu. Saya telah menemuramah ketiga-tiga orang anak perkahwinan yang masing-masing berumur 16 tahun (Form IV), 14 tahun (P) (Form III) dan 11 tahun (P) (Std. V) pada 18 Jun 2004 dan ketiga-tiga mereka dengan jelas memberitahu saya bahawa mereka ingin tinggal bersama-sama dengan bapa mereka. Ketiga-tiga orang anak ini memberitahu saya bahawa mereka tidak ingin langsung berjumpa dengan ibu mereka kerana ibu mereka mempunyai banyak sifat-sifat buruk. Walau bagaimanapun saya telah menasihati mereka bahawa itu adalah ibu kandung mereka dan mereka mesti memberikan kasih sayang yang tidak terhingga kepadanya.

Dapat diperhatikan bahawa pempetisyen mempunyai pekerjaan tetap di sebuah firma guaman di Tetuan Paul Ang & Co. dan dapat menanggung perbelanjaan dirinya sendiri lebih dari mencukupi. Pempetisyen juga pada Januari 2003 telah menjual kereta Perodua Kancil No. BET 3007 dan membeli kereta Proton Satria No. WKN 8641 tanpa memberitahu responden dan pempetisyen mampu membayar ansuran kereta tersebut sejumlah RM657 setiap bulan. Pempetisyen juga telah membeli insuran nyawa dengan bayaran premium RM267.70 sebulan walaupun responden telah membeli insuran di atas nama pempetisyen pada tahun 1993 dan masih membayarnya sehingga hari ini. Dapat diperhatikan bahawa semenjak bulan Mac 2002 responden telah menggajikan seorang penjaga bernama Puan Joan untuk menguruskan makan minum anak-anak dan seterusnya orang gaji sepenuh masa mulai bulan Februari 2004. Anak-anak responden kini lebih aman, gembira tanpa sebarang gangguan dan keadaan di rumah adalah lebih harmoni dan kondusif untuk mereka menumpukan perhatian pada pelajaran. Saya berpendapat dalam kes ini responden telah bersungguh-sungguh mengambil segala usaha setakat yang mampu untuk menyelamatkan perkahwinan beliau. Adalah sukar jika hanya responden seorang sahaja mencuba segala langkah tanpa bantuan pempetisyen sendiri.

Dalam petisyen balasnya responden menyatakan bahawa perkahwinan tersebut telah berpecahbelah dan tidak dapat dipulihkan lagi oleh kerana pempetisyen telah bertingkahlaku secara yang menyebabkan responden tidak boleh dijangka dengan munasabah akan dapat tinggal bersama pempetisyen melainkan pempetisyen mendapat rawatan psikiatri dari pakar yang dipilih atas persetujuan responden dan pempetisyen bersama. Oleh yang demikian, responden memohon:

(a) bahawa perkahwinan tersebut dibubarkan;

(b) bahawa responden diberi hak penjagaan (guardianship), jagaan (custody), pemeliharaan (care) dan kawalan (control) terhadap ketiga-tiga anak dari perkahwinan iaitu Christopher Donovan (L), Cheryl Andrea (P) dan Charmaine Anne Augustine (P);

(c) bahawa tidak ada perintah nafkah bagi pempetisyen;

(d) bahawa tidak ada perintah pembahagian harta yang memihak kepada pempetisyen;

(e) bahawa pempetisyen diperintahkan untuk membayar segala kos prosiding ini dan yang bersamping dengannya;

(f) Sebarang relif selanjutnya yang difikirkan adil dan wajar untuk diberikan oleh mahkamah.